

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Mingguan Malaysia (Sisipan Pancawarna / Segmen Sastera)

Tarikh: Ahad, 27 Oktober 2013

Mukasurat : 22

Budaya membaca era globalisasi

Mingguan Malaysia (Pancawarna - Ahad) 27/10/13, ms 22 (Segmen Sastera)

Oleh DR AMINUDIN
MANSOR
amimasra@gmail.com



MEMBACA adalah seni. Justeru, seni membaca adalah pelbagai gaya dalam kehidupan seharian.

Membaca seharusnya dijadikan amalan dalam kehidupan. Membaca boleh disamakan dengan makan dan minum sebagai keperluan hidup. Membaca pula adalah keperluan kepada akal dan fikiran untuk menambah pengetahuan.

Bahan-bahan sastera seperti novel, antologi cerpen, antologi puisi, drama sudah semakin kurang mendapat perhatian kalangan remaja. Bahan-bahan ini sewajarnya menjadi bahan bacaan bagi meningkatkan kemahiran bahasa, unsur keindahan kesusasteraan dan ilmu pengetahuan lain.

Sebagai contoh, bahan bacaan seperti novel dan cerpen banyak mengandungi

unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni yang perlu ada dalam novel bagi membentuk peribadi mulia dan jati diri.

Sejarah membuktikan ilmuwan lampau banyak membaca buku bagi mendalami pelbagai ilmu. Sebagai contoh, Al-Kindi, Ibnu Sina, Al-Farabi. Mereka ini golongan ahli falsafah Islam yang sangat mementingkan ilmu melalui pembacaan.

Jelaslah, ulama dan budaya membaca adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam meningkatkan tamadun Islam. Membudayakan budaya membaca buku dalam kehidupan seharian seharusnya dimanfaatkan kepada generasi masa kini bukan hanya tertumpu pada bahan-bahan di Internet.

Menurut tokoh Islam, Abdullah bin al-Amri budaya membaca mestilah dijadikan amalan dalam hidup. Tidak ada sesuatu yang lebih bermanfaat daripada buku. Buku adalah bahan rujukan utama untuk mendapatkan

ilmu pengetahuan sejak dahulu hingga kini.

Sementara menurut al-Jahiz, buku adalah sebaik-baik kawan penghibur tatkala kesepian dan sebaik-baik kawan di kala menyendiri. Manakala, menurut Al-Ma'mun, tidak ada sesuatu yang lebih mengasyikkan daripada berjalan-jalan di alam fikiran bagi orang-orang berilmu. Begitulah hebatnya buku sejak zaman berzaman lagi.

Daripada beberapa pandangan ini, jelaslah membaca buku bahan-bahan bacaan lain akan dapat meluaskan pemikiran dan mendalami pengetahuan dalam semua bidang. Melalui pembacaan yang meluas akal fikiran dan mati hati tidak mudah mati, sentiasa hidup dan dapat dimanfaatkan.

Fenomena pada masa kini, budaya membaca masa kini dalam kalangan remaja dan generasi muda hanya memfokuskan bahan-bahan bacaan ringan, berbentuk hiburan, novel cinta dan komik. Golongan

ini seharusnya meneroka bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan pelbagai ilmu pengetahuan seperti keagamaan, sains dan teknologi, teknologi maklumat (IT), politik, budaya, sastera dan juga ekonomi.

Apa yang dibimbangkan, melalui internet anak-anak akan lebih terdedah dengan budaya hedonisme iaitu hanya mementingkan keseronokan hidup. Berbeza dengan budaya membaca buku yang dapat memberikan ketenangan jiwa dan kelapangan fikiran kepada peminatnya.

Kajian semula berkaitan tahap membaca dan peratus pembacaan mestilah dilakukan pada setiap tahun untuk mengetahui gaya dan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Kajian ini haruslah memfokuskan bahan bacaan ilmiah, kreatif, bukan kreatif dalam bentuk buku. Jadikan membaca sebagai ubat penenang fikiran dan meluaskan ilmu pengetahuan tanpa batasan.